

26/08/1999

## Lawatan Habibie eratkan hubungan

LAWATAN kerja sehari Presiden Indonesia, BJ Habibie dan rombongannya semalam memberi makna besar kepada Malaysia dalam konteks mengeratkan hubungan kerjasama yang berterusan antara kedua-dua negara. Ia juga mengeratkan lagi suasana perhubungan yang sedia terjalin. Walaupun Habibie sepatutnya perlu sentiasa berada di negaranya buat masa ini bagi menyelesaikan masalah dalaman republik itu, tetapi hubungan persaudaraan Malaysia-Indonesia perlu terus wujud dalam apa keadaan sekali pun. Kesanggupan beliau meninggalkan Indonesia untuk bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunjukkan betapa akrabnya hubungan antara kedua-dua negara berkenaan. Kehadiran beliau adalah untuk membalas lawatan Dr Mahathir ke Pulau Batam, Mei lalu. Pertemuan Dr Mahathir-Habibie itu bukanlah sesuatu yang ganjil kerana pemimpin kedua-dua negara itu sebelum ini pun sering saling kunjung-mengunjungi. Ia adalah tanda dan lambang kemesraan yang berkekalan sama ada ketika zaman aman atau sukar.

Apa juga peristiwa yang berlaku di negara itu, Malaysia dan Indonesia tetap berada di bawah satu rumpun yang tidak boleh dipisahkan oleh mana-mana kuasa sekali pun. Perkara ini sudah terbukti dalam apa juga isu yang pernah wujud antara kedua-dua negara. Walaupun timbul masalah, segala-galanya dapat diselesaikan menerusi rundingan. Jika ada perkara yang boleh dibantu, Malaysia sedia berbuat demikian terutamanya dalam konteks mewujudkan keamanan serantau, apatah lagi jika keadaan itu berlaku di republik itu sendiri. Begitu juga keadaan sebaliknya yang mana Indonesia akan memberi segala kerjasama yang diperlukan dalam usaha meningkatkan kerjasama dua hala.

Dalam bidang ekonomi, umpamanya, tidak ada sebab Malaysia tidak boleh menghulurkan bantuan terutamanya dari segi idea demi memulihkan semula keadaan di republik itu. Jika selama ini pendekatan Malaysia menangani masalah ekonomi turut diguna-pakai negara-negara lain yang kedudukan geografinya lebih jauh dari negara ini, tidak ada sebab negara jiran yang begitu akrab itu tidak boleh dibantu. Begitu juga sebaliknya yang mana Malaysia mengharap bantuan daripada Indonesia dalam bidang-bidang yang republik itu lebih maju.

Sesungguhnya, Malaysia sentiasa mahu melihat rakyat Indonesia hidup makmur dan sejahtera. Ini kerana kesan tidak langsung turut dirasai di Malaysia. Jika keadaan di republik itu kembali seperti sedia kala, banyak peluang yang boleh diterokai bersama. Apa yang agak menjadi penghalang, Indonesia menempuh satu keadaan agak sulit sejak dua tahun lalu. Diharapkan segala-galanya akan berakhir tidak lama lagi. Sebagai rakan akrab, tentunya Malaysia sedih dengan keadaan yang berlaku di republik itu hari ini. Malangnya, Malaysia tidak boleh campur tangan dalam urusan rumah tangga republik itu. Atas dasar ini, Malaysia mengambil pendirian tidak memihak kepada mana-mana kumpulan yang boleh mengeruhkan hubungan.

Salah satu sumbangan agak besar diberikan oleh republik itu kepada Malaysia ialah sokongan tenaga pekerja tidak mahir ke negara ini untuk membantu melaksanakan pelbagai projek pembangunan di negara ini. Walaupun ia boleh meringankan beban ramai rakyat Indonesia, namun, Malaysia tidak boleh selama-lamanya menerima pekerja tidak mahir. Kemasukan pekerja Indonesia sepatutnya diseimbangkan dengan kemasukan pekerja mahir dan separuh mahir. Pertemuan Dr Mahathir-Habibie semalam sekurang-kurangnya menghasilkan satu keputusan bahawa kedua-dua negara bersetuju untuk membawa pekerja Indonesia yang mahir dan separuh mahir ke negara ini

sebagai tambahan kepada kemasukan pekerja tidak mahir. Bagaimanapun, sebagaimana sering ditegaskan kedatangan mereka hendaklah dibuat dengan lebih teratur.

Kedua-dua pemimpin juga turut berbincang mengenai masalah jerebu. Dengan pertemuan itu, kedua-dua boleh meningkatkan usaha mengatasi masalah itu. Disebabkan ia boleh menimbulkan kesan tidak baik kepada dua-dua negara termasuk masalah kesihatan dan industri pelancongan, jalan penyelesaian hendaklah dilaksanakan segera.

Dalam pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Habibie, tentulah banyak perkara dibincangkan bersama. Mereka juga bertukar pandangan mengenai pelbagai perkara yang membabitkan rantau ini dan antarabangsa. Kebetulan, republik itu baru saja menyambut hari kebangsaannya manakala Malaysia juga akan menyambut ulang tahun kemerdekaannya ke-42, 31 Ogos ini. Sekurang-kurangnya daripada pertemuan itu memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin mengucapkan tahniah antara satu dengan lain.

(END)